

## **Hari Kezahiran:**

**Muhammad Rasūl Allāh ᷃allāḥ Allāhu alayhi wa sallam**

Bulan *Rabi' al-Awwal*, mengandungi saat yang bersejarah di dalam perjalanan tawarikh dunia, saat zahirnya junjungan kita Nabi Muhammad ᷃allāḥ Allāhu alayhi wa sallam. Pada malam Nabi dilahirkan, sejarah Parsi mencatat suatu kejadian yang menakjubkan. Pada malam itu api yang disembah mereka, yang telah beribu-ribu tahun tak pernah padam, dengan tidak semena-mena telah padam. Hal ini menyebabkan mereka merasa bingung dan cemas. Pada malam itu juga, 14 buah anjung yang indah dan kukuh dan segala isinya mahligai raja Anusyirwan, raja Parsi yang masyhur, yang pada malam itu genap 40 tahun menduduki takhta, bergegar dan runtuh ranap menjadi timbunan tanah.

**(Oleh: Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy)**

## **Ditinjau Dari Sudut Fiqh atau Hadis dan Sejarah**

Sesuatu kejadian tersebut, merupakan *irhas*, tanda keagungan putera yang dizahirkan pada malam itu oleh Siti Āmīnah isteri Abdullah bin Abd Muṭalib, di tengah-tengah bandar Makkah *al-Mukarramah*. Memang peristiwa itu memberi isyarat bahawa kerajaan Parsi yang jaya megah itu akan tunduk takluk kepada kedaulatan Islamiah yang akan didirikan untuk kepentingan dunia amnya oleh putera yang dizahirkan oleh Āmīnah itu.

Kezahiran Nabi Muḥammad (S.A.W) menjadi rahmat bagi

seluruh alam. Tak ada di antara umat Islam yang menyangkal kebenaran dan kenyataan ini.

Seluruh umat Islam telah mencicip kenikmatan

dari syariat yang dibawa olehnya.

Dalam rencana ini kita menitik beratkan

kupasan kita di sekitar hari "mawlid" dan

upacara-upacara keagamaan yang dilakukan oleh umat Islam

untuk merayakan hari tersebut. Demikian juga akan

kita perkatakan sejarah perkembangan perayaan mawlid

dari masa ke masa dan cara-cara merayakannya yang pernah

dilakukan.

Adakah merayakan hari mawlid dengan salah satu

cara yang telah diperbuat oleh umat Islam, dituntut oleh

agama?

Adakah melaksanakan sesuatu ibadah disebabkan

hari itu dan tepat pada hari itu, dilakukan oleh

ahli salaf kita yang soleh?

Dan bagaimana pula pendapat kita terhadap perayaan itu?

Beberapa soal ini telah menjadi masalah khilafiah di antara alim ulama dari masa ke masa.

Sebelum kita memperkatakan soal ini dari ketetapan hadis (hukum fiqh), eloklah kita memperkatakan soal-soal berikut:

### 1. Ketentuan Hari Mawlid

Telah umum diketahui bahawa hari Nabi dizahirkan ialah: hari yang bertepatan dengan tarikh 12 *Rabī' al-Awwal*.

Hampir segenap umat Islam di bawah angin ini berpendapat atau menganggap bahawa Nabi Muḥammad (S.A.W) dizahirkan pada 12 *Rabī' al-Awwal* itu. Berdasarkan kepada kepercayaan ini maka tarikh yang tersebut dijadikan hari kelepasan.

Adakah nas yang menjadi sandaran kepercayaan kita dalam soal menetapkan tarikh ini?

Bagi memperoleh jawapan yang tepat, perhatikan keterangan di bawah ini:

### Tahun Nabi Dizahirkan

Kebanyakan ahli sejarah menetapkan bahawa Nabi dizahirkan pada Tahun "Gajah". Tahun yang sangat terkenal dalam sejarah Tanah Arab. Kata ahli *al-tārikh*, al-Suhailī: "Nabi kita dizahirkan pada tahun gajah, 50 hari sesudah datang tentera Abrahah yang bergajah itu". Dalam pada itu, menurut riwayat al-Suhailī juga, ada yang mengatakan sesudah 40 hari, bahkan ada yang mengatakan sesudah 10 atau 15 hari.

### Bulan Nabi Dizahirkan

Ahli sejarah tidak pula sekata tentang hal ini.

Ada yang mengatakan Nabi dizahirkan pada bulan *Safar*; ada yang mengatakan pada bulan *Rabī' al-Awwal*, ada yang mengatakan pada bulan *Rajab* dan ada pula yang mengatakan pada bulan *Ramadān*. Jumhur (golongan yang terbanyak) alim ulama dan jumhur ahli tarikh menguatkan faham yang kedua, yakni Nabi Muhammad (S) dizahirkan pada bulan *Rabī' al-Awwal* dalam Tahun Gajah.

Dengan itu nyatalah bahawa menetapkan hari kezahiran Nabi bukan berdasar pada kata sepakat, hanya berdasar pada kata terbanyak.

### Tarikh Nabi Dizahirkan

Sebagaimana mereka berselisih tentang bulannya mereka berselisih tentang harinya. Ada di antara mereka yang mengatakan bahawa Nabi dizahirkan pada salah satu hari Isnin dalam bulan *Rabī' al-Awwal*. Golongan ini tidak menetapkan tarikhnya. Ada yang mengatakan Nabi dizahirkan pada malam atau hari yang ketiga dalam bulan *Rabī' al-Awwal*, ada yang mengatakan malam yang kesembilan dalam bulan yang tersebut.

Kata Qutb al-Dīn al-Qastilāni: Inilah pendapat

jumhur ahli hadis. Tersebut di dalam *al-Muwahib*: "Inilah penetapan yang diakui oleh kebanyakan orang yang mempunyai keahlian dalam hal ini."

Menurut keterangan Mahmud Bāshā al-Falakī, seorang ahli falak Mesir, bahawa hari zahir Nabi bertepatan dengan tarikh 9 *Rabī' al-Awwal* (20 April 571).

Pendapat ini dikuatkan oleh ahli-ali sejarah Islam yang akhir-akhir ini, seperti al-Ḥudrī, Husīn, Haikal, Farid Wajdī dan pengarang tafsir *al-Manār*.

Patut juga disebut selain daripada itu ada pula yang mengatakan pada 10, 12, 17, 18 dan 22 dalam bulan *Rabī' al-Awwal*.

Perselisihan-perselisihan yang tersebut di atas, tak dapat kita *tarjihkan* (tetapkan salah satu di antaranya) dengan berdasarkan al-Qur'ān dan hadis, kerana tak ada sepotong ayat pun atau sepotong hadis pun yang menerangkan dengan tegas akan tarikh Nabi dizahirkan.

Yang ada diperoleh dari nas ialah riwayat yang diriwayatkan oleh Muslim dan Fatādah, katanya: "Bahawa Nabi bersabda dalam masa orang bertanya kepadanya tentang puasa hari Isnin, sabdanya: "Hari Isnin itu, hari aku dizahirkan dan hari aku menerima *nubuwwah* (jawatan nabi)". Di dalam "Musnad Ahmad" ada suatu riwayat lagi, iaitu: Nabi dizahirkan pada hari Isnin, menerima *nubuwwah*, mengangkat Hajar Aswad berhijrah dan masuk ke bandar Madinah pada hari Isnin juga.

### Saat Zahirnya

Demikian juga mereka berselisih tentang saat Nabi dizahirkan. Ada yang mengatakan, Nabi dizahirkan pada malam hari ketika fajar sedang menyingsing, dan ada yang mengatakan pada siang hari. Kata Badr al-Dīn al-Zarkashi, Nabi kita dizahirkan pada siang hari. Inilah pendapat yang sahih.

### Adakah Nabi Zahir Dengan Berkhatan?

Banyak orang yang mempercayai bahawa Nabi kita dizahirkan dengan keadaan telah berkhatan. Kata Ibn al-Nadīm: Segala hadis yang menerangkan Nabi zahir dengan sedia berkhatan, ialah hadis daif, tak ada yang sahih. Ibnu

Abd al-Bar menerangkan dalam *al-Tamhīd*, bahawa Nabi dikhatarkan oleh Halimah, ibu susuannya. Riwayat ini dinukilkhan juga oleh Ibn al-Qayyim dan al-Damyāṭī.

## 2. Sejarah Perayaan Mawlid

Menurut catatan al-Maqrīzī, bahawa negeri yang mula-mula mengadakan perayaan mawlid ialah negeri Mesir ketika negeri itu diperintah oleh raja-raja dari kerajaan Fatimiyyah yang didirikan al-Mu'azzal Dīn Allāh. Raja itu telah berangkat dari Afrika ke negeri Mesir pada bulan *Shawwal* 361 H. Pada bulan *Sha'abān* tahun 362 tiba lah ia ke Iskandariyyah. Pada 9 haribulan *Ramadān* tahun itu juga ia tiba di bandar Kaherah. Setelah beberapa lama negeri Mesir diperintah oleh raja-raja Fātimiyyah, berkembanglah dalam negeri itu suatu adat yang belum dibiasakan oleh penduduk, iaitu merayakan hari mawlid Nabi. Raja-raja Fatimiyyah merayakan enam hari maulid. Pertama Mawlid Nabi, kedua Mawlid Ali, ketiga Mawlid Fatimiyyah, keempat Mawlid al-Hassan, kelima Mawlid al-Hussain, dan yang keenam Mawlid Raja yang sedang memerintah. Adat tersebut dilaksanakan dengan sebaik-baiknya oleh raja-raja Fatimiyyah. Dalam masa negeri Mesir diperintahkan oleh al-Faḍīl Ibnu Amir al-Jayyush, adat tersebut dihapuskan. Kemudian setelah rakyat Mesir hampir-hampir tiada ingat lagi akan adat-adat tersebut tumpillah al-Hashim Ibn Amr Allāh menghidupkan kembali adat-adat yang dihidupkan oleh raja-raja Fatimiyyah yang membela faham *Shī'aḥ*.

### Cara-cara Perayaan

Dalam zaman raja-raja Fatimiyyah, hari mawlid – 12 *Rabī' al-Awwal* disambut dengan sebesar-besarnya. Jamuan makanan dan minuman yang lazat dan tidak terkira banyaknya disediakan oleh raja untuk orang ramai. Hidangan

dimulakan dari pagi hingga tengah hari. Setelah sembahyang Zuhur maka Kadi Besar pun memulakan syarahan mengenai riwayat hidup Nabi Muhammad (S.A.W) lalu diturut oleh pensyarah-pensyarah yang lain. Majlis itu dihadiri oleh beribu-ribu manusia dari segenap lapisan. Demikian menurut catatan al-Maqrīzī.

Al-Suyūtī pula meriwayatkan bahawa orang yang mula-mula merayakan mawlid Nabi, ialah Raja Muzaffar, raja negeri *Irbil* dalam wilayah Shām, dalam awal kurun ketujuh atau akhir kurun keenam hijrah. Al-Muzaffar mengeluarkan perbelanjaan untuk perayaan mawlid ialah 300,000 dinar setahun. Menurut suatu riwayat yang lain, bahawa yang mula-mula mengadakan perayaan mawlid ialah Shaykh Amr Ibn Muhammad al-Malāl, dalam wilayah Mausil.

### Cara al-Muzaffar Merayakan

Pada malam yang kesembilan atau kedua belas *Rabī' al-Awwal*, Raja Muzafar menjamu dan memberi persalinan kepada rakyatnya, terutama yang fakir miskin. Pada siangnya disuruhnya alim ulama membaca kisah mawlid.

Raja Muzaffar merayakan mawlid tidak tetap pada tiap-tiap 12 *Rabī' al-Awwal* tetapi bertukar ganti, sekali pada 12 *Rabī' al-Awwal* dan pada kali (tahun) yang lain pada 9 *Rabī' al-Awwal* (kerana menghormati dua riwayat yang bertelingkah seperti yang disebutkan di atas tadi).

Pada zamannya alim ulama berlumba-lumba menyusun kisah mawlid Nabi untuk dipersembahkan kepadanya. Di antara mereka yang telah menyusun kisah mawlid dan mendapat anugerah daripada raja itu ialah Ibn Dahiyah. Kitabnya itu bernama “*Al-Tanwīr fi Mawlid al-Bashīr al-Nazīr*” .

### 3.Perayaan Mawlid Dari Segi Syarak

Kesan yang kita peroleh dari huraian yang telah lalu, tegasnya dari ketiadaan Nabi menegaskan tentang bulan dan hari zahirnya, ialah: Bahawa agama tidak menuntut supaya kita memandang hari zahirnya hari raya seperti hari raya puasa atau hari raya haji. Nabi hanya menegaskan bahawa baginda dizahirkan pada hari Isnin. Beginda berpuasa dan menyuruh kita berpuasa pada tiap-tiap hari Isnin. Kita fahamkan dari yang tersebut, bahawa memuliakan hari zahir Nabi ialah dengan kita bersyukur atas kezahiran Nabi pada hari Isnin itu. Bersyukur pada hari itu ialah dengan berpuasa. Sungguh dapat difahamkan bahawa mereka yang berpuasa pada tiap-tiap hari Isnin itulah yang benar-benar merayakan hari kezahiran nabi dan bersyukur kepada Allah atas nikmatnya memberi kesempatan Nabi berhijrah ke Madinah dan memberikan *nubuwah* kepada Nabi pada hari itu juga.

Sekiranya agama memandang bahawa merayakan hari zahir Nabi (12 *Rabī' al-Awwal*) suatu yang disyariatkan, tentulah agama kita (Nabi) tidak berdiam diri sahaja. Sekurang-kurangnya ada sesuatu hadis yang sahih yang mengesahkannya. Dan tentulah sahabat-sahabat dan *tābi'īn*, dan imam-imam *mujtahidīn* (salah seorangnya) membawakan yang demikian.

Oleh itu, nyatalah bahawa merayakan hari mawlid ini bukan urusan agama, hanya urusan umat yang beragama itu sendiri.

Sesuatu perbuatan umat yang dilakukan atas pandangan baik dari umat, tidak dipandang baik dan tidak pula dipandang buruk, selama tiada berlawanan dengan sesuatu kaedah agama dan tiada pula merosakkan sesuatu hukum agama atau sesuatu muslihat agama.

(bersambung)